

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Wang yang saya jumpa di tepi jalan tadi akan diserahkan oleh saya kepada pihak polis esok.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di tepi	ke tepi
B	akan	telah
C	diserahkan oleh saya	saya serahkan
D	kepada	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kesesakan lalu lintas yang dahsyat itu berpunca daripada bas persiaran yang rosak di kanan lorong jalan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dahsyat	malang
B	daripada	dari
C	bas persiaran	persiaran bas
D	di kanan lorong	di lorong kanan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kapal persiaran itu kelihatan samar-samar ketika berada ke tengah laut.

	Kesalahan	Pembetulan
A	itu	situ
B	samar-samar	renyai-renyai
C	ketika	lantaran
D	ke	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Shahida mendapat berita yang Cikgu Asni akan bertukar ke sekolah lain pada bulan Januari.

	Kesalahan	Pembetulan
A	mendapat	mendapati
B	yang	bahawa
C	bertukar	menukar
D	ke sekolah	di sekolah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Buku cerita yang dibeli pada minggu lepas saya belum baca lagi kerana sibuk membuat kerja sekolah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pada	di
B	saya belum baca	belum saya baca
C	kerana	apabila
D	membuat	dibuat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Basyar tetap meneruskan pekerjaan itu walaupun mengetahui yang pekerjaan itu akan membahayakan nyawanya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	meneruskan	menerusi
B	walaupun	apabila
C	yang	bahawa
D	akan	belum

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pihak polis sering memberikan penerangan tentang perkara tersebut namun dianggarkan remeh oleh setengah orang.

	Kesalahan	Pembetulan
A	penerangan	keterangan
B	tentang	seperti
C	oleh	daripada
D	setengah	sesetengah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Penduduk Kampung Seroja bantu-membantu ketika melakukan aktiviti gotong-royong ke kawasan perumahan pada hari Ahad lepas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bantu-membantu	saling bantu-membantu
B	ketika	lantaran
C	ke	di
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rohaizad telah dipilih sebagai ketua pengawas kerana mereka mempunyai pendirian yang tegas dan berperibadi terpuji.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sebagai	seperti
B	kerana	apabila
C	mereka	dia
D	dan	atau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan **mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Cikgu Mariah mengumumkan persaraannya daripada profesion perguruan lebih awal atas alasan kesihatan.

- ☐ A diumumkan persaraannya dari
☐ B pengumuman persaraannya daripada
☐ C mengumumkan persaraannya dari
☐ D mengumumkan persaraannya daripada

11. Pilih ayat-ayat yang betul.



- I Kita menggalakkan supaya berjimat cermat dan bijak berbelanja.
- II Kami menjadi haru-biru apabila abang berjaya dalam peperiksaannya.
- III Budak itu tiba-tiba senyap apabila melihat ayahnya memegang sebatang rotan.
- IV Pemandu itu memperlahankan keretanya apabila tiba di selekoh yang berbahaya itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B II dan III sahaja
- ☐ C I dan IV sahaja
- ☐ D III dan IV sahaja

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Hujan lebat yang turun tidak henti-henti dari semalam menyebabkan banjir kilat di setengah kawasan di Kuala Lumpur.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tidak	bukan
B	dari	daripada
C	setengah	sesetengah
D	di Kuala Lumpur	ke Kuala Lumpur

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Lawatan ke negeri Melaka anjuran Persatuan Sejarah disertai dengan tiga orang guru pengiring dan 40 orang murid.

	Kesalahan	Pembetulan
A	ke	di
B	disertai	menyertai
C	dengan	oleh
D	murid	murid-murid

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

14. Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Tindakan tegas akan dikenakan pada pihak yang melanggar undang-undang dan mengancam keselamatan negara. Tiada kesalahan.

A B C D

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Iklan seperti cara-cara untuk mengelakkan kejadian ragut itu dituju kepada orang ramai yang hendak pulang ke kampung.

	Kesalahan	Pembetulan
A	seperti	tentang
B	untuk	demi
C	kepada	pada
D	ke	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Kita ingin mengetahui masalah anda dengan lebih lanjut," kata peguam itu kepada pengurus syarikat.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kita	saya
B	mengetahui	ketahuan
C	itu	situ
D	kepada	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Beberapa orangkah yang terkorban dalam kejadian gempa bumi itu?
II Shalin Zulkifli hanya menduduki tempat ketiga-tiga dalam kejohanan boling itu.
III Satu pertiga daripada murid sekolah ini pergi ke sekolah dengan menaiki bas sekolah.
IV Pelbagai pihak menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap keputusan pihak berkuasa berhubung dengan isu itu.

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Taman permainan itu bukan dapat digunakan lagi kerana banyak alat permainan yang telah rosak dan berbahaya kepada kanak-kanak.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bukan	tidak
B	telah	akan
C	berbahaya	bahaya
D	kepada	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I "Beginilah caranya membuat kek lobak merah," beritahu Chef Zaini.
- II Nah, bergayanya engkau sejak dinaikkan pangkat menjadi pengurus!
- III Dua rumpun tebu tumbuh dengan suburnya di belakang rumah Khairi.
- IV Proses mengukir barangan tembaga itu dilakukannya dengan teliti sekali.

- ☐ A I, II, dan III
- ☐ B I, II, dan IV
- ☐ C I, III, dan IV
- ☐ D II, III, dan IV

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Sepanjang tempoh lima tahun, berbagai-bagai projek pembangunan telah dilaksanakan demi untuk kesejahteraan rakyat.

	Kesalahan	Pembetulan
A	lima	kelima
B	berbagai-bagai projek	berbagai-bagai projek-projek
C	telah	akan
D	demi untuk	demi

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D